

Definisi Bid'ah Mengikuti Ahlul Sunnah wal Jamaah

Definisi Bid'ah Mengikuti Ahlul Sunnah wal

Jamaah

Oleh

Sheikh Gibril Fouâd H{addâd

Tulisan ini terbahagi kepada dua bahagian:

1. I. Definisi Bid'ah oleh Imam al-Shafi'e (ra)
2. I Pembahagian Bid'ah di kalangan Ahlul Sunnah wal Jamaah dan selainnya.

1. Definisi Bid'ah Mengikuti Imam Shafi'e:

Sumbangan besar Imâm al-Shâfi`î (ra) dalam ilmu Usul al-Fiqh ialah pembahagian beliau terhadap makna 'perkara baharu' (*al-bid'ah*) dan 'perkara baharu yang

diadakan' (*al-muhd*)

athât) iaitu samada 'baik' atau 'buruk bergantung kepada samada

perkara itu selari dengan Shari'at. Ini diriwayatkan secara Sahih dari dua muridnya yang terkenal pada zaman akhir kehidupan beliau iaitu, pakar h}adith Mesir, H{armala ibn Yah}yâ al-Tujaybî dan al-Rabî` ibn Sulaymân al-Murâdî:

H}armala menyebut, "Aku mendengar Imam al-Shâfi'e(ra) berkata:

"Bid'ah itu dua jenis (*al-bid'atu bid`atân*)"

"Bid'ah yang dipuji (*bid'ah mahmûdah*) dan bid'ah yang dikeji (*bid'ah mazmûmah*).

Apa yang selari dengan Sunnah itu dipuji (*mah}mûdah*) dan apa yang bertentangan itu dikeji (*mazmûmah*)."

Beliau menggunakan dalil dari kenyataan Saidina 'Umar ibn al-Khat}t}âb (ra) kepada jemaah yang mengerjakan Sembahyang Terawih di bulan Ramad}ân dengan katanya: "Alangkah cantiknya bid'ah ini!"¹

Al-Rabî` juga meriwayatkan kenyataan yang sama bahawa Imam Al-Shâfi`î berkata kepada kami:

'Perkara baru yang diada-adakan itu dua jenis (*al-muh{dathâtu min al-umûri d}arbân*):

Pertama, perkara baru yang bercanggah dengan al-Qur'ân atau Sunnah atau *athar* Sahabat atau *ijmâ'* para *ulamâ'*, maka bid'ah itu adalah sesat (*fahâdhihi al-bid'atu d{alâlah*).

1 Diriwayatkan dari Ha}rmala oleh Abû Nu`aym dengan sanad dari Abû Bakr al-A<jurrî dalam H}ilyat al-Awliyâ' (9:121 #13315=1985 edisi. 9:113) dan dinukilkan oleh Abû Shâma dalam al-Bâ`ith `alâ Inkâr al-Bida` wal-Hawâdith (edisi Riyadh 1990, hal. 93), Ibn Rajab dalam Jâmi` al-`Ulûm wal-H}ikam (hal. 267= edisi Zuh}aylî. 2:52= edisi Arna'ût, 2:131=sah}îh}), Ibn H}ajar dalam Fath{ al-Bârî (edisi 1959, 13:253), al-Turt}ûshî dalam al-H}awâdith wa al-Bida` (hal. 158-159), dan al-Shawkânî, al-Qawl al-Mufîd fî Adillat al-Ijtihâd wa al-Taqlîd (edisi 1347/1929 hal. 36). Riwayat dari Saidina `Umar disebut oleh Imam Mâlik dalam al-Muwat}ta' dan al-Bukhârî dalam Sahîh} Bukhari.

min al-khayr) yang tidak bertentangan dengan mana-mana pun di atas, dan ini bukan bid'ah yang dikeji (*wahâdhihi muh}dathatun ghayru madhmûmah*).

`Umar (ra) berkata terhadap sembahyang Terawih berjemaah di bulan Ramadhan: "Alangkah cantiknya bid'ah ini!" bermaksud bahawa 'perkara baru' yang diada-adakan yang belum ada sebelum ini, tetapi ianya tidak bercanggah dengan perkara di atas (Al-Qur'ân, Sunnah, *athâr* Sahabat dan *Ijmâ'*).'"²

Oleh itu, Imam al-Shâfie telah meletakkan suatu kriteria asas, yang perlu digunakan dalam menjatuhkan hukum terhadap sesuatu 'perkara baharu'.

Sehubungan dengan itu Imâm al-Haytamî, Qâdî Abû Bakr Ibn al-`Arabî, dan Imâm al-Lacknawî seterusnya menyambung:

*"Bid'ah dari segi Shari'atnya ialah apa jua perkara baharu yang diadakan yang bertentangan dengan hukum yang diturunkan Allah, samada berdasarkan dalil-dalil yang nyata atau pun dalil-dalil umum"*³

*"Hanya Bid'ah yang menyalahi Sunnah sahaja yang dikeji"*⁴

*"Bid'ah ialah semua perkara yang tidak wujud dalam tiga kurun pertama Islam dan di mana ianya tidak mempunyai asas bersumberkan empat sumber hukum Islam"*⁵

Kesimpulannya, ianya tidak memadai bagi sesuatu perkara itu dikira 'bid'ah' [dan sesat] hanya semata-mata kerana ianya 'perkara baharu'; tetapi ianya perlulah juga di masa yang sama bertentangan dengan Islam.

Al-Bayhaqî mengulas kenyataan al-Rabî :

Begitu juga dalam hal perdebatan aqidah (*kalâm*) dengan pereka bid'ah, apabila mereka ini mula mendedahkan perbuatan bid'ah

(penter: dalam aqidah) mereka kepada masyarakat awam. Walaupun kaedah *kalām* merupakan 'perkara baharu' namun ianya dipuji (*mah}mudah*) kerana ianya bertujuan untuk mendedahkan kepalsuan pereka bid'ah itu, seperti mana yang kita sebutkan sebelum ini. Rasulullah



dan begitu juga para Sahabat ditanya soalan berhubung dengan Qada' dan Qadar, yang jawapannya sepertimana telah sampai kepada kita hari ini. Namun pada masa itu, para Sahabat sudah berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh Rasulullah . Namun sebaliknya di zaman kita ini pereka bid'ah tidak lagi berpuas hati dengan jawapan yang sampai kepada kita (daripada Rasulullah dan para Sahabat), dan mereka tidak lagi menerimanya. Oleh itu bagi menangkis serangan mereka, yang mereka sebarkan kepada umum, perlu bagi kita berhujah

2 Diriwayatkan dari al-Rabî` oleh al-Bayhaqî di dalam *Madkhal* dan *Manâqib al-Shâfi`î* beliau (1:469) dengan sanad sahih sepertimana yang disahkan oleh Ibn Taymiyyah dalam *Dâr' Ta`ârud} al-`Aql wa al-Naql* (hal. 171) dan melalui al-Bayhaqî oleh Ibn `Asâkir dalam *Tabyîn Kadhib al- Muftarî* (edisi Kawtharî, hal. 97). Dinukilkan oleh al-Dhahabî dalam *Siyar* (8:408), Ibn Rajab dalam *Jâmi` al-`Ulûm wal-Hikam* (p. 267= edisi Zuh}aylî. 2:52-53=edisi Arna'ût. 2:131 sah{îh}), dan oleh Ibn H}ajar dalam *Fath} al-Bârî* (1959 ed. 13:253).

- 3 Al-Haytamî, al-Tabyîn fî Sharh{ al-Arba`în (hal. 32)
- 4 Ibn al-`Arabî, `ârid}at al-Ah}wadhî (10:147)
- 5 Cf. al-Lacknawî, Iqâmat al-H}ujjah (hal. 12)

menggunakan kaedah pembuktian yang diterimapakai oleh mereka sendiri. Dan sesungguhnya kejayaan itu datangnya dari Allâh jua.⁶

Ini merupakan pembelaan Imâm al-Bayhaqî secara terang-terang terhadap keperluan *kalâm* dan sifatnya yang selari dengan tuntutan Sunnah demi mempertahankan [Islam] dari pereka bid'ah. Pendirian yang hampir sama juga boleh dilihat di

kalangan para Imam besar seperti Ibn `Asâkir, Ibn al-Sa{

Ibn `A<bidîn dan lain-lain.

lâh, al-Nawawî, Ibn al-Subkî,

1. Pembahagian Bid'ah di kalangan 'ulama' Ahlul Sunnah wal Jamaah dan selainnya

(a) Definisi Imam al-Ghazâlî

Hujjatul Islâm Imam al-Ghazâlî ketika mengulas perbahasan berhubung dengan penambahan 'titik' pada huruf ayat-ayat al-Qur'ân dengan katanya:

Hakikat bahawa ianya perkara baharu yang diadakan (*muh{dath}*) tidak menghalang ini semua. Berapa banyak perkara baharu yang diadakan tetapi ianya baik!, seperti mana sembahyang Terawih secara berjemaah. Ianya adalah antara bid'ah Saidina`Umar (ra) tetapi ianya adalah bid'ah yang baik (*bid'ah hasana*). Bid'ah yang keji ialah yang bertentangan dengan Sunnah Rasulullah atau yang boleh membawa kepada perubahan Sunnah itu. 7

(b) Definisi Qâd}î Abû Bakr ibn al-`Arabî al-Mâlikî

Qâd{î Abû Bakr Ibn al-`Arabî ketika mengulas berhubung dengan bid'ah berkata: Ketahuilah! – Moga Allah menganugerahkan kamu ilmu! – bahawa bid'ah itu ada

dua jenis (*al-muhd}*

athâtu da}

rbân):

(i) Perkara baharu yang diadakan yang tiada asas [agama]

melainkan mengikut hawa nafsu sesuka hati. Ini ada jenis yang salah, dan

(ii) Perkara baharu yang diadakan selari dengan apa yang sudah disepakati. Seperti

Sunnah para Khulafâ' dan para Imam-imam besar. Perkara baharu yang

diadakan dan bid'ah bukanlah keji kerana ianya 'baharu' (*muhd{ath*) [baharu

yang tiada sebelum ini] atau semata-mata dipanggil 'bid'ah', dan tidak juga kerana maknanya! Allâh Yang Maha Agung berfirman:

"Tidak datang kepada mereka peringatan yang baharu (*muhd{ath* mereka" (21:2)

6 Al-Bayhaqî, Manâqib al-Shâfi`î (1:469)

7 Al-Ghazzâlî, Ih}yâ' `Ulûm al-Dîn (1:276)

ath) dari Tuhan

yang bertentangan dengan Sunnah itu yang dikeji atau perkara baharu yang diadakan yang membawa kepada kesesatan itu yang dicela.⁸

(c) Definisi Ibn H{azm al-Z}âhirî

Ibn H{azm al-Z}âhirî berkata:



Bid'ah dalam al-Din ialah apa jua yang datang kepada kita yang tiada disebutkan di dalam al-Qur'ân dan Hadith Rasulullâh , melainkan seseorang itu diberi ganjaran pada sebahagiannya, dan mereka yang melakukannya dimaafkan jika mereka berniat baik. Di antaranya adalah yang diberi ganjaran dan dikira baik (*h}asan*), apa yang

pada asalnya diharuskan ("mâ
kâna asl} uhu al-ibâha}

") sepertimana yang

diriwayatkan oleh Saidina`Umar (ra): "Alangkah baiknya bid'ah ini!"

Ia jelas merujuk kepada semua amalan kebaikan yang dinyatakan oleh *nass* (al- Qur'ân dan Hadith) secara umum akan galakan melakukannya, walaupun amalan berkenaan itu tidak disebutkan dalam *nass* secara khusus. Di antaranya juga ada yang dikeji dan tidak dibolehkan apabila ada dalil-dalil yang melarangnya.

9

(d) Definisi Ibn al-Jawzî

Ibn al-Jawzî menyatakan perkara yang sama dalam kitabnya *Talbîs Iblîs*:

“Ada sesetengah perkara baharu (*muhd* athât) diamalkan yang tidak berlawanan

dengan Shari'at atau menyalahinya, mereka [para Salaf] melihat ianya tidak mengapa untuk diamalkan, seperti tindakan Saidina Umar mengumpulkan orang bagi mendirikan sembahyang Terawih di bulan Ramad.ân, kemudian itu beliau berkata:

‘Alangkah baiknya Bid ‘ah ini!’”

(e) Definisi Ibn al-Athîr al-Jazarî

Pakar perkamusan Ibn al-Athîr menyebut di dalam kitabnya, *al-*

Nihâyah fî Gharîb al-H{âdîth wal-Athar menyebut:

Bid'ah itu ada dua jenis: bid'ah yang berpetunjuk (*bid'atu hudâ*) dan bid'ah yang sesat (*bid'atu d}alâlah*).



Apa jua yang menyalahi perintah Allâh dan RasulNya : itu termasuk dalam perkara yang dikutuk dan dipersalahkan. Dan apa jua yang masuk dalam keumuman Allâh atau RasulNya perintahkan atau galakkan: maka itu termasuk dalam hal-ehwal yang dipuji. Apa jua yang tiada amalan sebelum ini seperti terlampau pemurah atau berbuat baik – seumpama itu termasuk dalam perlakuan dipuji. Tidak dibenarkan beranggapan perkara seumpama itu sebagai menyalahi Shari'at kerana Rasulullah telah menyebutkan bahawa amalan sedemikian itu diberi ganjaran: “Sesiapa yang memulakan sesuatu amalan kebaikan dalam Islâm (*man sanna fîl-islâmi sunnatan h}asana*) memperoleh ia ganjarannya dan ganjaran sekalian orang yang melakukannya”. Begitu juga sebaliknya Baginda bersabda sesiapa yang

8 Ibn al-`Arabî, `Akrîdat al-Ah{wadhî (10:146-147)

9 Ibn H}azm, al-Ih}kâm fî Usûl al-Ah}kâm (1:47)

memulakan amalan jahat dalam Islâm (*waman sanna fîl-islâmi sunnatan sayyi'atan*) memikul dosanya dan dosa sekalian mereka

yang melakukannya.”¹⁰

Begitulah apabila perlakuan itu bertentangan dengan apa yang diperintahkan Allâh

dan RasulNya... Dengan maksud inilah h}adîth yang menyebut “setiap yang baharu itu sesat”¹¹ sepatutnya difahami: maksud Baginda ialah, apa jua yang bercanggah dengan asas-asas Shari‘at dan menyalahi Sunnah.¹²

(f) Klasifikasi Imam al-Izz Ibn `Abdul Salâm

Shaykhul Islâm, Sult}ân al-`Ulâmâ’ Imâm al-`Izz Ibn `Abd al-Salâm juga berkata berhubung dengan perkara yang sama:

Di sana ada beberapa jenis perkara baharu (*bid‘ah*). Pertama, ialah yang apa yang tidak dilakukan di awal kedatangan Islam namun Shari‘at nyatakannya sebagai terpuji atau wajib. Yang kedua lagi ialah yang tidak dilaksanakan di awal Islam namun Shari‘at mengharamkannya dan dibenci. Yang ketiga ialah perkara yang tidak dilakukan di awal Islam dan Shari‘at mengharuskan.¹³

Di tempat lain beliau menyebut bahawa Bid‘ah itu ada lima jenis, sama sepertimana yang diputuskan para fuqaha dalam amalan perbuatan seseorang, iaitu: Wâjib, H}arâm, Sunat (mandûb), Makrûh, dan Harus (mubâh).¹⁴

(g) Sokongan Imam Nawawî terhadap Klasifikasi Imam al-Izz

Sheikhul-Islâm, Imâm al-Nawawî menyebut:

Bid'ah mengikut Shari'at ialah mereka sesuatu yang tidak pernah wujud di zaman



Rasulullah dan ianya dibahagikan kepada "baik" dan "buruk" (*wahya*

munqasimatun ilâ ha}

sanah wa qabîh}ah).

10 Diriwatkan dari Jarîr ibn `Abd Allâh al-Bajalî oleh Imam Muslim, al-Tirmidhî, al-Nasâ'î, Ibn Mâjah, Ah}mad, dan al-Dârimî. Juga diriwatkan dengan kalimah yang hampir sama dari Abû Hurayrah oleh Ibn Mâjah and Ah}mad; dari Abû Juh}ayfah oleh Ibn Mâjah; dan dari Hudhayfah oleh Imam Ah}mad.

11 Diriwatkan dari al-`Irbâd. ibn Sâriyah oleh al-Tirmidhî (hasan sahih), Abû Dâwûd, Ibn Mâjah, Ah}mad, al- Dârimî, Ibn H}ibbân (1:178-179 #5 s}ahî} h.), al-Hâ} kim (1:95-97= edisi 1990 1:174-177) – menyatakan ianya sahih, sementara al-Dhahabî mengesahkannya – dan di dalam al-Madkhal ilâ al-S}ah}îh. (hal. 80-81), al-âjurri dalam al-Sharî`ah (hal. 54-55 #79-82= hal. 46 s}ah}îh), Ibn Abî `âs}im di dalam al-Sunnah (hal. 29 #54 sahih.), al-T}ah}âwî di dalam Mushkil al-âthâr (2:69=3:221-224 #1185-1187 sahih), Muh}ammad ibn Nas}r al-Marwazî

di dalam al-Sunnah (hal. 26-27 #69-72 sahîh.), al-H}ârith ibn Abî Usâma dalam Musnadnya (1:197-198), al-Rûyânî dalam Musnadnya (1:439), Abû Nu`aym dalam Hilyat al-Awliyâ' (1985 ed. 5:220-221, 10:115), al-

T}abarânî dalam Musnad al-Shâmiyyîn (1:254, 1:402, 1:446, 2:197, 2:298) dan al-Kabîr (18:245-257), al-Bayhaqî dalam al-Sunan al-Kubrâ (10:114), al-Madkhal (hal. 115-116), al-I`tiqâd (hal. 229), dan Shu`ab al-

'mân (6:67), al-Baghawî yang mengesahkan ianya hasan dalam Sharh} al-Sunnah (1:205 #102 isnâd sahîh),

Ibn al-Athîr dalam Jâmi` al-Us}ûl (1:187, 1:279), Ibn `Asâkir dalam al-Arba`în al-Buldâniyyah (hal. 121), Ibn

`Abd al-Barr dalam al-Tamhîd (21:278-279) dan Jâmi` Bayân al-`Ilm (2:924 #1758) di mana beliau mengesahkan ianya sahîh, dan lain-lain.

12 Ibn al-Athîr, al-Nihâya (1:79 'b-d-`).

13 Ibn `Abd al-Salâm, al-Fatâwâ al-Maws}iliyyah (hal. 129).

14 Ibn `Abd al-Salâm, al-Qawâ`id al-Kubrâ (2:337-339) cf. al-Nawawî dalam al-Adhkâr (cetakan Thaqâfiyyah. hal. 237) dan Tahdhîb al-Asma' wal-Lughât (3:20-22), al-Shât}ibî dalam al-I`tisâm (Beirut, 1:188), al-Kirmânî

in al-Kawâkib al-Darârî (9:54), Ibn H}ajar dalam Fath. al-Bârî (13:253-254), al-Suyût}î, mukaddimah beliau pada Husn al-Maqsid dalam al-H}âwî lil-Fatâwâ; al-Haytamî, Fatâwâ H}adîthiyya (hal. 150), Ibn `âbidîn, Radd al-Muhtâr (1:376) dan lain-lain.

kehebatannya iaitu, Abû Muh}ammad `Abdul-`Azîz ibn `Abdul Salâm – Moga-moga

Allâh mengasihannya! – menyebut di akhir buku beliau, *al-Qawâ'id* [al-Kubrâ]:

“Bid'ah itu terbahagi kepada perkara-perkara
wajib (wâjibat), Haram

(muha}

rramat), Sunat (mandûbat), Makruh (makrûhat), dan Harus
(mubâh}at).

Jalan untuk menilai sesuatu Bid'ah itu ialah dengan melihat berpandukan kaedah Shari'at (*qawâ'id al-sharî'ah*). Jika ianya jatuh dalam kategori kewajiban (îjâb) maka jadilah ia Wajib, jika ia termasuk dalam keharaman maka jadilah ia Haram; jika digalakkan maka jadilah ia Sunat, dikeji maka jadilah ia Makruh dan seterusnya yang selainnya ialah Harus.¹⁵

(h) Sokongan Ibn Hajar terhadap Imam al-Izz

Hâfiz Ibn Hajar berkata:

Akar kata perkataan 'bid'ah' itu ialah sesuatu yang direka tanpa ada duluanannya sebelum ini. Ianya digunakan dalam Shari'at sebagai lawan kepada Sunnah, dan oleh itu dikeji. Jika diteliti, sekiranya ianya termasuk dalam apa yang digalakkan oleh Shari'at, maka ia termasuk dalam bid'ah baik (*bid'ah hasanah*), dan jika ia termasuk

dalam perkara yang dikeji maka ianya adalah bid'ah buruk (*mustaqbaha*)

h). Selain

daripada itu ianya diharuskan (*mubâh*). Ianya juga boleh dibahagikan kepada lima kategori.¹⁶

(i) *Itt} i} faq* 'Ulama' berhubung Klasifikasi Imam al-Izz

Para ulama' dalam empat Mazhab bersetuju dengan klasifikasi lima hukum bagi Bid'ah yang dibuat oleh Imam al-Izz sepertimana yang telah disebutkan di atas, dengan turut dipersetujui oleh majoriti besar para 'ulama' terkemudian setiap Mazhab seperti berikut:

(1) Di kalangan 'ulama Mazhab H}anafî: al-Kirmânî, Ibn `âbidîn, al-Turkmânî, al-

`Aynî, dan al-Tahânawî.¹⁷

(2) Di kalangan 'ulama Mazhab Mâlikî: al-T}urt}ûshî, Ibn al-H}âjj, al-Qarâfî, dan al-Zurqânî, kecuali al-Shât}ibî yang cuba menafikannya dengan mendakwa klasifikasi Imam al-Izz itu sebagai "bid'ah tanpa ada dalil dalam Shari 'at"!¹⁸

15 Al-Nawawî, Tahdhîb al-Asmâ' wal-Lughât (3:20-22).

16 Ibn Hajar, Fath. al-Bârî (cetakan 1959 5:156-157= cetakan 1989 4:318).

17 Al-Kirmânî, al-Kawâkib al-Darârî Sharh} Sah}îh} al-Bukhârî (9:54), Ibn `âbidîn, H}âshiya (1:376, 1:560); al-

Turkmânî, al-Luma` fîl-H}awâdith wal-Bida` (Stuttgart, 1986, 1:37); al-Tahânawî, Kashshâf Ist}ilâh.at al- Funûn (Beirut, 1966, 1:133-135); al-`Aynî, `Umdat al-Qârî dalam al-H}imyarî, al-Bid`at al-H}asanah (hal.

152-153).

18 Al-T}urt}ûshî, Kitâb al-Hawâdith wa al-Bida` (hal. 15, hal. 158-159); Ibn al-H}ajj, Madkhal al-Shar` al-Sharîf

(Cairo, 1336/1918 2:115); al-Qarâfî, al-Furûq (4:219) cf. al-Shât}ibî, al-I`tis}âm (1:188-191); al-Zurqânî, Sharh} al-Muwatt} }a' (1:238). I`tis}âm Imam al-Shât}ibî' telah diedarkan semula oleh dua tokoh Wahabi: Rashîd Rid}â dan kemudiannya Salîm Hilâlî. Wahhâbî yang ketiga ialah Muh}ammad `Abdul Salâm Khad}ir al-

Shuqayrî – iaitu anak murid kepada Rashid Rid}a. Al-Shuqayrî adalah pengarang al-Sunan wal-Mubtada`ât al-Muta`alliqah bil-Adhkâr wal-Salawât yang beliau penuhi dengan pelbagai cerita-cerita dongeng yang

tidak dapat disahkan, yang kemudiannya beliau mengecamnya tanpa berlengah.

(3) Sepakat (*ijma'*) di kalangan sekalian ulama' Mazhab Shâfi`î.19

(4) Keenganan menerimanya di kalangan ulama Mazhab Hanbalî yang terkemudian, dengan mengubah istilah Imam al-Shâfi`î dan Imam al-Izz ibn `Abdul-Salâm dengan masing-masing membawa maksud "bid'ah dari segi bahasa" (*bid'ah lughawiyya*) dan "bid'ah dari segi syarak" (*bid'ah shar`iyyah*). Walaupun ini tidak tepat, mereka cuba memadankan apa yang Imam al-Shâfi`î sebutkan sebagai "dibenarkan" dan "dikeji".20 Inilah pendekatan yang sering dibawa oleh golongan Wahabi dengan memecah-mecahkan sesuatu isu sepertimana berlaku dalam isu bid'ah ini, walaupun sepatutnya pendekatan sebenar ialah berpandukan klasifikasi yang telah dibuat oleh majoriti ulama' (*jumhûr*).

Shaykh Muhammad Bakhîr al-Mut`î menyimpulkan:

"Bid'ah dari segi Syarak ialah yang sesat dan dicela; adapun bid'ah yang para

'ulama membahagikan kepada kepada Wajib dan Haram dan seterusnya itu, adalah Bid'ah dari segi bahasa, yang lebih luas dari Bid'ah dari Syarak kerana Syarak itu juga sebahagian darinya."21

Al-Shawkânî merumuskan di dalam *Nayl al-Awtâr* iaitu asas kepada pembahagian bid'ah adalah "baik" dan "buruk", dan inilah pandangan yang paling kukuh dan kuat sekali.22



Memadailah apabila majoriti Imam Mujtahid dari kalangan Salaf menyatakan sedemikian berdasarkan dalil-dalil al-Qur'ân and Sunnah, walau apapun yang dikatakan oleh ulama' terkemudian – samada oleh 'ulama bakal murajjih' seperti al-Shawkânî atau 'ulama bakal penyunting' seperti al-Shât}ibî. Kerana pendirian ini telah disepakati (*ijma'*) di kalangan para ulama' Mazhab al-Shâfi`î dan juga selari dengan pesanan Rasulullah agar kita mengikuti jalan para Mu'min dan mengikut pendapat [ulama'] ramai.

“Dia bukanlah seorang Imâm dalam `Ilmu apabila mengikut pandangan yang ganjil/terpencil (shâhdh)

(`Abdul-Rah{mân ibn Mahdî). Dan Allah jua Yang Maha Mengetahui

Nirmanas/20060322

Source: http://www.livingislam.org/n/sdb_e.html

19 Abû Shâma, al-Bâ`ith `alâ Inkâr al-Bida` wa al-H}awâdith (Riyad: Dâr al-Raya, 1990, hal. 93, cetakan Cairo hal. 12-13) dan juga apa yang ditelah disebut sebelum ini. Perhatian: "ijmâ` adalah lebih menyeluruh dari "ittifâq" dan ianya mengikat dari segi hukum.

20 Ibn Rajab, al-Jâmi` fîl-`Ulûm wal-Hikam (2:50-53), dan Ibn Taymiyyah memperkatakan tentang bid`ah dalam kitab beliau Iqtid}â' al-Si}rât. al-Mustaqîm Mukhâlafat As}h}âb al-Jah}îm. Ini juga merupakan pendirian

Ibn Kathîr, lihat tafsiran beliau pada ayat 117 Surah al-Imrân, dalam Tafsîrnya. Beliau sependirian dengan gurunya, Ibn Taimiyyah.

21 Bakhît, Fatâwâ Hadîthiyyah (hal. 205).

22 Al-Shawkânî, Nayl al-Awt}âr (4:60).

Komentar Penterjemah

- Jelas sekali berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan di atas membuktikan bahawa para ulama' di kalangan empat Mazhab Ahlul Sunnah wal Jamaah, secara majoritinya, (manakala ijma' di kalangan ulama Mazhab Shafi'e) telah menerima pembahagian

bahawa di sana ada dua bentuk bid'ah, iaitu yang 'baik' (hasanah) dan yang 'buruk'

(sayyi'ah/dalalah). Ini sekaligus menolak pandangan ganjil dan keseorangan

(shadhdh) Imam al-Shatibi dalam I'tisomnya, yang menentang pembahagian bid'ah sedemikian, dan juga pandangan mereka yang bersamanya yang mendakwa semua

'perkara baharu' itu bid'ah sesat (bid'ah dalalah/sayyi'ah) belaka.

- Adapun mereka yang mengemukakan hujah-hujah para Imam Mazhab dan imam-imam besar lain yang kononnya menolak dan menentang amalan yang dikatakan "bid'ah", penolakan para Imam itu sebenarnya adalah terhadap bid'ah dalalah, iaitu bid'ah yang bertentangan dengan Shari'at, kerana para imam-imam ini dalam masa yang sama di tempat yang lain jelas sekali mengakui dan menerima wujudnya dua kategori bid'ah: baik dan buruk.
- Dakwaan bahawa kalimah "bid'ah" yang diungkapkan oleh Saidina Umar r.a. hanya bermaksud 'bid'ah dari segi bahasa', dan justeru itu sekalian para ulama telah tersilap faham merupakan suatu tanggapan memperlekehkan keilmuan dan kepakaran bahasa para ulama' besar seperti Imam Shafi'e, Imam al-Ghazali, Imam al-Izz dan lain-lain, seolah-olah mereka ini jahil tidak tahu membezakan antara 'bid'ah dari segi bahasa' dan 'bid'ah dari segi syarak'. Imam Mazhab, Mujtahid Mutlaq, Hujjatul Islam, Sheikhu'l Islam dan Sultan al-'Ulama' adalah antara gelaran-gelaran yang diberikan terhadap para ulama ini

sudah cukup menggambarkan kehebatan keilmuan dan kewibawaan mereka.

- Perlu kita akui bahawa para ulama' silam teramat mengerti dan arif apa yang dimaksudkan oleh Saidina Umar r.a. dengan ungkapan kalimah "bid'ah" itu . Mereka juga tahu dan amat mengerti bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri pernah melakukan Solat Terawih secara berjemaah untuk dua malam pertama di bulan Ramadhan sepertimana Hadith Aisyah r.a. yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Namun mereka tetap menggunakan hujah perlakuan Saidina Umar itu untuk mengatakan bahawa di sana ada bid'ah hasanah dan bid'ah d}alalah. Adalah sesuatu yang ganjil tiba-tiba ada

'ulama mutaakhir termasuk ulama' kurun ke-20 ini mula mempertikaikan dan menolak hujah para ulama besar seperti Imam Shafi'e, Imam Ghazali dan lain-lain yang telah menggunakan kata-kata Saidina Umar itu tadi sebagai dalil mereka.

- Setiap amalan dalam masyarakat kita perlu dinilai dan diteliti dengan cermat berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ada ketikanya amalan mereka itu merupakan bid'ah hasanah, ada juga ketikanya bid'ah dalalah dan khurafat yang mesti ditentang, dan ada juga ianya merupakan persoalan khilafiyah (perbezaan pendapat di kalangan

'ulama'). Adalah terlalu cetek pemikiran melabelkan semua perlakuan yang tiada nas}

khusus mengenainya, di dalam satu bakul yang sama sebagai bid'ah dalalah atau

sayyiah.

Dan Allah jua Yang Maha Mengetahui